

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Jarak penglihatan terhad, 10 penerbangan dibatalkan	Berita Harian
2.	32 kawasan catat IPU tidak sihat	Berita Harian
3.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga esok	BERNAMA
4.	Amaran angin kencang sehingga Khamis	BERNAMA
5.	Gempa bumi kuat melanda Kepulauan Vanuatu	BERNAMA
6.	Poser over mutton dishes at some PJ restaurants	The Star
7.	Importance of Internet of Things, Big Data Management	New Straits Times

# Jarak penglihatan terhad, 10 penerbangan dibatalkan

jam 4 petang," katanya.

## IPU merosot berikutan faktor bawaan angin

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Nor Hayati Yahaya berkata, bacaan IPU di negeri ini semakin merosot di sebelah petang dan faktor bawaan angin turut menjadi penyumbang kepada keadaan berkenaan.

Dalam pada itu, penganjuran Pesta Bola Jaring USM-Penang International (PBJ) kali ke-25 yang dijadualkan berlangsung pada Jumaat hingga Ahad ini diteruskan, berikutan semua perlawanan dibuat di dalam gelanggang tertutup.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Muhamad Mohd Hanif berkata, perkembangan terbaharu itu dibuat berikutan keadaan semasa jerebu yang semakin buruk.

Di **Sabah**, hampir semua kawasan mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana dengan bacaan melebihi 50 setakat petang semalam.

Jurucakap Jabatan Meteorologi **Sabah**, berkata jarak ketampakan terendah dicatatkan di Labuan iaitu dua kilometer (km) pada tengah hari, diikuti Tawau (2.2 km) dan Kota Kinabalu (tiga km). Hanya Kudat mencatat jarak

ketampakan melebihi 10 kilometer, semalam.

Setakat semalam, angin masih bertiup dari arah barat daya, membawa asap dari kawasan titik panas di Kalimantan.

## Nelayan perlu nyalakan lampu bot

Di **Kuala Selangor**, nelayan di negeri ini tetap turun ke laut menangkap ikan walaupun keadaan kualiti udara semakin merosot dan menghadkan jarak penglihatan serta jerebu yang mengganggu kesihatan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Mat Jaman Haris, berkata dengan jarak penglihatan yang terhad, nelayan terutama yang menggunakan bot kecil berdepan dengan pelbagai risiko kemalangan kerana tidak dapat melihat dengan jelas.

Di **Seremban**, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Zainudin Abdul Wahab, berkata pihaknya menasihatkan nelayan sentiasa menyalakan lampu bot ketika berada di laut bagi mengelakkan pelanggaran akibat jerebu.

Katanya, nelayan di perairan Port Dickson turut dinasihatkan membawa wisel dan kerap membunyikannya apabila jarak penglihatan menjadi buruk.

**Butterworth:** Keadaan jerebu di negeri ini yang semakin buruk semalam, menyebabkan semua penerbangan pada sebelah petang dan malam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terpaksa dibatalkan.

Pengurus Kanan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Mohd Arif Jaafar, berkata ada 10 penerbangan membabitkan pesawat AirAsia dan Firefly terpaksa dibatalkan ekoran jarak penglihatan yang terhad akibat cuaca jerebu.

"Penerbangan yang dibatalkan membabitkan laluan LTAPP dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) Subang serta LTAPP dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL).

"Empat penerbangan antarabangsa membabitkan laluan LTA-PP dan Lapangan Antarabangsa Kuala Namu di Medan, Indonesia, terpaksa ditangguhkan berikutan jarak ketampakan di LTAPP merosot kepada 500 meter sehingga



Beberapa penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang terpaksa dibatalkan dan mengalami kelewatan penerbangan akibat jerebu, semalam.

(FOTO MIKAIL ONG/BH)



# 32 kawasan catat IPU tidak sihat

» **Kualiti udara terus merosot, 4,778 sekolah diarah tutup**

Oleh Rohaniza Idris dan Norashikin Leman  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ualiti udara di kebanyakan negeri terus merosot dengan 32 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap tidak sihat.

Bacaan IPU yang direkodkan seperti disiarkan dalam laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada jam 10 malam tadi menunjukkan tiada kawasan pada bacaan IPU baik dan 20 kawasan pula mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana.

Sebanyak 32 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat itu adalah Kangar (188), Universiti Sains Malaysia (187), Seberang Jaya 2 (187), Pelabuhan Klang (186), Langkawi (181), Sungai Petani (177), Alor Setar (174), Seri Manjong (173), Shah Alam (172) dan Jalan Pegoh, Ipoh (170).

Yang turut dicatatkan sebagai kualiti udara tidak sihat ialah Sri Aman (165), Prai (157), Banting



(157), Putrajaya (157), Ipoh (156), Batu Muda (155), Taiping (150), Petaling Jaya (146), Kuala Selangor (143), Tanjung Malim (136), Samarahan (132), Kuching (131), Cheras (125), Seremban (124), Sarikei (122), Nilai (121), Sibu (108), Kota Bharu (105) dan Bukit Rambai (106).

## 4,778 sekolah ditutup

Berikutan bacaan IPU itu, Kementerian Pendidikan memaklumkan 4,778 sekolah dengan kira-kira 2.69 juta murid di beberapa negeri ditutup hari ini.

Ini membabitkan sekolah di Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Pahang (Bentong), Sarawak (Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong).

Sekolah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga terus ditutup hari ini.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim, berkata keputusan itu selaras dengan keputusan Kementerian Pendidikan terus menutup sekolah yang berada di kawasan terjejas teruk dengan masalah jerebu.

Laporan Jabatan Meteorologi Malaysia pula menyatakan pada



Papan LED di Lebuhraya Kemuning Shah Alam memaparkan bacaan IPU 226 iaitu pada paras sangat tidak sihat semalam. [FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]

masa sekarang, Taufan Koppu berada pada kedudukan 18.9 darjah Utara dan 120.1 darjah Timur, kira-kira 1,383 kilometer (km) ke arah Utara Kudat, Sabah setelah merentasi Kepulauan Luzon pada pagi 19 Oktober 2015.

Taufan Koppu kini berada di Laut China Selatan dan bergerak ke arah Timur-Timur Laut menuju ke Jepun dengan kelajuan 15km/jam manakala, Taufan Champi berada pada kedudukan 21.4 darjah utara dan 140.2 darjah timur, kira-kira 2,944 km ke Timur

Laut Sandakan, Sabah dan sedang bergerak ke arah utara dengan kadar perlahan.

## Taburan hujan dijangka berkurangan

Kehadiran kedua-dua sistem tropika siklon itu masih mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara kita untuk sepanjang tempoh tinjauan di atas.

Taburan hujan juga dijangka berkurangan kerana kawasan serantau negara kita akan dipengaruhi oleh tiupan angin Barat Daya

dengan kelajuan yang sederhana.

Berdasarkan laporan Pusat Meteorologi Khusus ASEAN (ASMC), imej satelit Pentadbiran Hidupan Laut dan Atmosfera Kebangsaan (NOAA) mengesan sebanyak 68 titik panas di Kalimantan manakala di Sumatera dicatatkan 36 titik panas dikesan disebabkan cerapan satelit tidak menyeluruh dan diliputi oleh awan.

Di dalam negara pula tiga titik panas (hotspot) dikesan iaitu di negeri Sabah.





## Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Esok



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Sabah (Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman) dan Labuan diramal berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, keadaan angin kencang barat daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu adalah berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Situasi yang sama juga dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan dan Sulu.

Ketampakan rendah kurang dari tiga kilometer di sekitar perairan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kuching, Tawau, Selat Melaka, Tioman, Bunguran dan Sulawesi oleh jerebu juga diramal berterusan sehingga esok.

Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran, menurut jabatan tersebut.

Sementara itu amaran ribut petir di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Labuan dan Sulu diramal berterusan sehingga awal petang ini.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)



## Amaran Angin Kencang Sehingga Khamis

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Angin kencang barat daya di kawasan perairan Sabah dan Labuan dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, keadaan angin berkelajuan 40 dan 50 kilometer sejam (km/j) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Sementara itu, ketampakan rendah kurang dari tiga kilometer di sekitar perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kuching dan Tawau turut dijangka berterusan sehingga esok.

Jabatan itu memaklumkan keadaan berkenaan berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran.

-- BERNAMA

